

Pusat Tuisyen KAMI untuk pelajar kurang mampu

Media Baharu : 3-3 minutes



Monday, 14 August 2023

- August 13, 2023
- Published in Semasa



(Datuk Aaron ditemu bual selepas majlis pelancaran Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga Taman Sri Serdang, Selangor)

SERI KEMBANGAN, 13 Ogos- Pusat Tuisyen KAMI dilancar untuk menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif itu bertujuan membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik khususnya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Sekarang ini kita mungkin dapat sampai kepada beberapa ribu pelajar sahaja. Kita nak lebih ramai lagi pelajar terutama yang akan menduduki SPM untuk memberi tuisyen percuma.

"Kita tahu di bandar sana mana ada percuma. Itu untuk keluarga kaya raya tetapi ini milik pelajar daripada keluarga B40 dan sebagainya dan dapat bantu mereka cemerlang dalam SPM. Itulah tujuan kita," kata Aaron selepas majlis pelancaran Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga Taman Sri Serdang, Selangor di sini.

Program tersebut memberi fokus kepada enam mata pelajaran teras bagi SPM dan ia dilaksanakan selama setahun.



(Datuk Aaron berkata Pusat Tuisyen KAMI untuk pelajar kurang mampu)